



05 JUN, 2026

## Krisis tenaga menuntut ASEAN percepat integrasi grid kuasa

Berita Harian, Malaysia



# Krisis tenaga menuntut ASEAN percepat integrasi grid kuasa

Langkah perlu kerjasama serantau jamin bekalan selamat, mampan dan mampu milik

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bbbiz@nstp.com.my

Krisis tenaga global yang berterusan dan peningkatan mendadak permintaan tenaga kesan lonjakan kecerdasan buatan (AI) menuntut Malaysia serta ASEAN mempercepat integrasi tenaga serantau menerusi Grid Tenaga ASEAN (APG) bagi menjamin bekalan tenaga yang selamat, mampan dan mampu milik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata langkah mempercepat peralihan ini memerlukan bukan sahaja inovasi teknologi, tetapi juga pelaburan dasar dan kerjasama serantau.

Katanya, sistem tenaga hari ini sedang dibentuk semula oleh keperluan geopolitik dan teknologi, dengan satu keadaan ia menjejaskan bekalan, sementara satu lagi meningkatkan permintaannya.

"Kecerdasan buatan (AI) sedang dengan pantas mentransformasikan ekonomi, industri dan masyarakat. Namun transformasi ini membawa implikasi (kepada penggunaan) tenaga yang besar.



Anwar pada Majlis Peluncuran Persidangan Peralihan Tenaga di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Namun AI, jika dilihat secara positif, mewakili peluang untuk mempercepat usaha peralihan tenaga.

"Sekarang, daripada meningkatkan kecekapan grid hingga meramal penjanaan tenaga boleh diperbaharui hingga mengoptimalkan penggunaan tenaga industri, AI mempunyai potensi untuk mengukuhkan sistem tenaga," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Peluncuran Persidangan Peralihan Tenaga di Kuala Lumpur, semalam.

Turut sama hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan serta Pengerusi

Tenaga Nasional Bhd (TNB), Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid.

### Pastikan tenaga mampu milik

Anwar berkata, ketika negara-negara berlumba membangunkan ekonomi digital dan memanfaatkan pertumbuhan berasaskan AI, cabaran dihadapi bukan sekadar menghasilkan lebih banyak tenaga, tetapi memastikan tenaga itu juga kekal selamat, mampu milik dan mampan.

"Saya menekankan perkataan mampu milik kerana apa jua keputusan mengagumkan yang dikemukakan (TNB), saya akan melihat harga yang akan dibayar

pengguna. Bagaimana mereka bertahan dalam peralihan teknologi baharu dan AI yang lebih canggih ini.

"Jadi itu, saya pernah menyampaikannya kepada kakitangan TNB. Saya berkata, sudah tentu kami kagum dengan prestasinya, tetapi kami akan gagal dalam tugas jika tidak memastikan kejayaan itu dikongsi bukan sahaja oleh kakitangan biasa di semua peringkat, tetapi kepada pengguna, khususnya golongan miskin dan yang terpinggir," katanya.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan menegaskan komitmen Malaysia ter-

hadap pembangunan APG bukan lagi sekadar aspirasi, sebaliknya satu keperluan bagi memenuhi permintaan tenaga serantau secara lebih cekap.

Beliau berkata, cabaran tenaga dijangka menjadi lebih besar apabila permintaan tenaga di rantau ASEAN diunjurkan meningkat lebih 60 peratus menjelang 2040 susulan proses urbanisasi dan perindustrian berterusan.

"Inisiatif perintis ini sudah menunjukkan bukan sahaja kebolehlaksanaan teknikal integrasi tenaga serantau, tetapi juga kepayaan ASEAN untuk menukarkan cita-cita bersama kepada operasi yang nyata.

"Namun kemajuan sebegini juga memaksa kita berdepan soalan selanjutnya, bagaimana kita mempercepatkan peralihan sebagai negara, ekonomi dan masyarakat ke arah sumber tenaga lebih bersih dan lebih mampan sambil memastikan ketahanan, kemampuan dan keselamatan," katanya.

Bulan lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, negara anggota ASEAN sudah bersetuju mempercepat pelaksanaan inisiatif APG dan usaha ketersambungan tenaga serantau untuk memperkuatkan kerjasama keselamatan tenaga.

Katanya, persetujuan itu dicapai semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN (AMEM) yang terbaharu, merangkumi perbincangan mengenai Saluran Paip Gas Trans-ASEAN dan perkongsian sumber tenaga yang ada dalam kalangan negara anggota ASEAN.